



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

**29.07.2022**

## ❖ **Kebangkitan aktivisme pemegang saham di Asia**

Aktivisme pemegang saham lazimnya dikaitkan dengan syarikat-syarikat di Barat. Namun di tempat lain, khususnya di Asia, ia secara beransur-ansur mulai meraih perhatian.

Seringkali dilihat sebagai bandar mati untuk aktivisme pemegang saham, syarikat Asia tidak menghadapi tahap aktivisme yang sama seperti yang biasa dialami oleh syarikat Barat. Walau bagaimanapun, rantau ini kini menjadi sarang yang melahirkan aktivis pemegang saham kerana mereka mencari lebih banyak peluang melangkaui kubu tradisional mereka di Barat.

Tambahan pula, peningkatan aktivisme pemegang saham di timur, terutama di Asia turut didorong oleh tumpuan yang semakin meningkat dan penelitian yang lebih tinggi terhadap tadbir urus korporat dan ketelusan daripada orang ramai yang melabur.

Menurut data daripada Insightia, sebuah penyedia data mengenai aktivisme pemegang saham, pengundian pemegang saham dan tadbir urus korporat, bilangan syarikat AS yang tertakluk kepada tuntutan aktivis telah menyusut sejak 2016 daripada 662 syarikat kepada paras terendah baharu iaitu 461 syarikat pada 2021.

Sementara itu, bilangan syarikat Asia yang terlibat dengan kempen aktivis meningkat daripada 95 pada tahun 2016 kepada 134 pada 2021. Benua Asia telah berubah daripada mewakili 7.3% sasaran aktivis global pada 2015 dan terus meningkat kepada 14.5% pada 2021.

## **Lonjakan tuntutan daripada aktivis**

Aktivisme pemegang saham kembali meningkat selepas pandemik COVID-19. Paling jelas, skala kempen aktivis mencapai tahap baharu pada separuh pertama 2022 dengan bilangan syarikat Asia yang menjadi subjek kepada tuntutan aktivis meningkat sebanyak 34% kepada 126, berbanding 94 syarikat dalam tempoh yang sama sebelumnya. (Sumber: Aktivisme Pemegang Saham Insightia dalam laporan separuh pertama 2022)

Sebaliknya, bilangan syarikat AS yang disasarkan oleh aktivis hanya meningkat 7.4% kepada 390 pada separuh pertama daripada 363 pada tahun sebelumnya.

Sepanjang tempoh enam bulan, aktivis pemegang saham telah mengemukakan 256 tuntutan kepada syarikat penerima pelaburan yang beribu pejabat di Asia. Laporan itu menunjukkan bahawa kebanyakkan tuntutan berkisar tentang pelantikan dan penyingkiran kakitangan (28.9%), alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) (27.34%) dan pemulangan wang tunai kepada pemegang saham (20.3%).

Mengikut sektor, syarikat daripada industri perusahaan, kitaran pengguna dan teknologi menerima paling banyak tuntutan daripada aktivis dengan 25%, 18% dan 17% daripada jumlah syarikat yang terlibat.

Jepun dan Korea terus mendahului carta aktivisme pemegang saham di Asia, merangkumi lebih separuh daripada kempen aktivis yang dilancarkan.

### **Kebimbangan pemegang saham beralih kepada ESG**

Sebaliknya, kita menyaksikan agenda ESG dengan pantas menjadi slogan utama yang dilaungkan oleh para aktivis apabila melancarkan kempen mereka terhadap syarikat Asia.

Terdapat peralihan yang jelas dalam aktivisme pemegang saham ke arah ESG pada tahun 2022 (merujuk kepada jadual di bawah). Bilangan tindakan korporat yang berkaitan ESG di seluruh Asia meningkat kira-kira 60% pada separuh pertama 2022 daripada 44 dalam tempoh sebelumnya. Secara keseluruhan, jumlah cadangan ESG yang disasarkan kepada syarikat yang beribu pejabat di Asia dalam tempoh enam bulan pertama 2022 sahaja (70), mengatasi jumlah cadangan ESG yang dibentangkan pada tahun 2021 iaitu 58.

**Syarikat Asia yang disasarkan mengikut jenis tuntutan**

| Demand Type                 | Full Year  |            |            | H1 YTD     |            |            |            |
|-----------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
|                             | 2019       | 2020       | 2021       | 2019       | 2020       | 2021       | 2022       |
| Appointment of personnel    | 53         | 55         | 59         | 37         | 37         | 34         | 46         |
| Removal of personnel        | 45         | 50         | 46         | 30         | 30         | 27         | 28         |
| Oppose M&A                  | 5          | 9          | 12         | 2          | 2          | 6          | 3          |
| Push for M&A                | 8          | 14         | 9          | 4          | 7          | 4          | 4          |
| Divestiture                 | 15         | 19         | 14         | 11         | 15         | 11         | 17         |
| Capital structure           | 5          | 9          | 9          | 3          | 3          | 6          | 10         |
| Operational                 | 4          | 11         | 9          | 2          | 7          | 5          | 6          |
| Return cash to shareholders | 35         | 29         | 34         | 30         | 21         | 27         | 52         |
| Environmental               | 0          | 1          | 5          | 0          | 1          | 5          | 20         |
| Social                      | 0          | 1          | 3          | 0          | 1          | 2          | 4          |
| Governance                  | 44         | 46         | 50         | 34         | 32         | 37         | 46         |
| Remuneration                | 10         | 5          | 14         | 9          | 5          | 11         | 20         |
| <b>Total</b>                | <b>224</b> | <b>249</b> | <b>264</b> | <b>162</b> | <b>161</b> | <b>175</b> | <b>256</b> |

Sumber: Aktivisme Pemegang Saham Insightia dalam laporan separuh pertama 2022

Tadbir urus terus menjadi subjek utama dan keprihatinan lembaga pengarah terhadap isu-isu ESG semakin dititikberatkan oleh pelabur, termasuk keduduan yang tinggi dalam tema khusus yang berkaitan pengawasan risiko iklim dan komposisi lembaga pengarah.

Setakat ini, tumpuan aktivis pemegang saham pada tahun 2022 difokuskan kepada aspek alam sekitar dan tadbir urus daripada agenda/ rangka kerja ESG.

Daripada 22 syarikat Asia yang tertakluk kepada usul alam sekitar pada separuh pertama 2022, majoriti (18) daripadanya tertakluk kepada tuntutan berkaitan perubahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas, GHG). Aktivis pemegang saham akan mengetengahkan agenda mereka dengan menuntut syarikat sama ada meminda dasar, memberikan maklumat atau menangani kebimbangan yang berkaitan perubahan iklim dan pelepasan GHG.

Selain itu, aktivis juga mengemukakan tuntutan berkaitan tadbir urus kepada 68 syarikat, sebahagian besarnya berkaitan pindaan dasar syarikat (24), pendedahan maklumat (19), perubahan komposisi lembaga pengarah (8) dan kebebasan lembaga pengarah (7). Antara tuntutan yang dibuat oleh aktivis yang berkaitan tadbir urus adalah:

- pindaan atau pemansuhan undang-undang kecil/ dasar yang berkaitan tadbir urus korporat syarikat
- penyusunan semula struktur lembaga pengarah, biasanya dengan melantik lebih ramai pengarah bebas
- ketelusan yang lebih tinggi atau syarikat menjelaskan maklumat tertentu, biasanya yang berkaitan akaun syarikat dan rekod kewangan atau hasil siasatan.

### **Memacu perubahan dari bawah ke atas**

Pemegang saham minoriti sering dilihat sebagai kumpulan rentan berdasarkan kepentingan minoriti mereka dalam sesebuah syarikat. Di bawah prinsip peraturan majoriti, pemegang saham minoriti tidak mempunyai kuasa mengundi yang mencukupi untuk memacu tingkah laku korporat sesebuah syarikat atau mempengaruhi hala tuju syarikat.

Walau bagaimanapun, hari yang menyaksikan pemegang saham minoriti secara pasif menunggu lembaga pengarah dan pengurusan membuat perubahan di peringkat teratas sudah lama berlalu. Berlatarkan peningkatan aktivisme pemegang saham di peringkat global, pemegang saham minoriti juga boleh membuat perubahan terhadap dasar dan pengurusan syarikat dengan menyuarakan kegusaran dan rasa tidak puas hati mereka.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 1 hingga 5 Ogos 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

| <b>Tarikh dan Masa</b>         | <b>Syarikat</b>                        | <b>Tinjauan ringkas</b>  |
|--------------------------------|--|--|
| 01.08.22 (Isnin)<br>10.00 pagi | Computer Forms (Malaysia) Berhad (EGM) | CFM mencadangkan penempatan persendirian sehingga 30% daripada |

|                                 |                                     |  |
|---------------------------------|-------------------------------------|--|
|                                 |                                     | sahamnya yang diterbitkan, terbitan bonus waran berdasarkan 1 nisbah 2 dan penubuhan skim terbitan saham (share issuance scheme, SIS) sehingga 15% daripada saham terbitannya kepada pengarah dan kakitangan yang layak. Syarikat juga bercadang memperuntukkan opsyen SIS kepada semua pengarah dalam Lembaga termasuk empat pengarah bebas.  |
| 04.08.22 (Khamis)<br>10.00 pagi | Alliance Bank Malaysia Berhad (AGM) | <p>Alliance Bank mencatatkan lantunan kukuh dalam prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2022 dengan peningkatan 60% dalam untung bersih kepada RM572.8 juta berikutan peruntukan rosot nilai yang lebih rendah pada tahun tersebut. Ini mewakili peningkatan sebanyak 59.7% atau RM214 juta tahun ke tahun.</p> <p>Peruntukan untuk pinjaman dan rosot nilai menyusut 59.2% tahun ke tahun kepada RM217.4 juta berbanding RM533 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Sementara itu, Bank merekodkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 4.6%, sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan komersial, yang mana kedua-duanya mencatatkan peningkatan 12.4%.</p> <p>Sejajar dengan prestasi kukuh yang dicatatkan, dividen sesaham meningkat kepada 18.5 sen berbanding 5.8 sen dan 6 sen pada dua tahun sebelumnya.</p> |
| 04.08.22 (Khamis)<br>10.00 pagi | Chin Hin Group Berhad (EGM)         | Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus satu kepada satu saham biasa baharu dalam Chin Hin dan cadangan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam Solarvest Holdings Berhad untuk pertimbangan tunai RM103.28 juta.  |

|                                   |  |  |
|-----------------------------------|--|--|
| 05.08.22 (Jumaat)<br>03.30 petang | Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (EGM) | Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pelupusan semua sekuriti dalam Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd kepada Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad dan cadangan pelupusan semua sekuriti dalam Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd kepada Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad, merujuk kepada 50% kepentingan langsung Litrak Holding dalam Sprint Holdings. |
|-----------------------------------|--|--|

| <b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b> |  |
|---|--|
| <b>Syarikat</b>                             | <b>Perkara/ Isu untuk Diketengahkan</b>  |
| Alliance Bank Malaysia Berhad (AGM)         | <p>Pada tahun kewangan 2022, Alliance Bank telah mempergiat usaha untuk merangkumkan agenda kemampanan ke dalam aktiviti pemberian pinjamannya. Antara usaha yang dilakukan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penubuhan Jawatankuasa Kemampanan Kumpulan di peringkat lembaga dan Rangka Kerja Strategi Kemampanan dengan tiga matlamat utama yang ingin dicapai menjelang tahun kewangan 2025.</li> <li>- Pembangunan Kriteria Penerimaan Risiko (Risk Acceptance Criteria, RAC) berkaitan Alam sekitar, Sosial dan Tadbir urus (<i>Environmental, Social and Governance, ESG</i>) dengan satu RAC Umum dan empat RAC khusus industri, serta pelancaran Alat Penyaring ESG.</li> </ul> <p>a) Di manakah Bank memposisikan dirinya dalam perjalanan ESG berbanding bank-bank lain dalam industri?</p> <p>b) Alliance Bank sebelum ini menetapkan sasaran untuk mencapai RM5 bilion (secara kumulatif) perniagaan mampan baharu menjelang tahun kewangan 2025. Bagaimanapun, sasaran itu telah dinaikkan kepada RM10 bilion, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2022.</p> <p>Apakah yang mendorong Alliance Bank untuk mengubah sasaran ini?</p> <p>c) Alliance Bank telah mengumumkan ketetapan untuk tidak memberi pembiayaan kepada loji kuasa arang batu, perlombongan arang batu dan perniagaan minyak dan gas melalui kaedah yang tidak konvensional.</p> <p>Adakah komitmen Bank yang sedia ada turut terkesan oleh larangan pemberian pinjaman ini? Apakah pendedahan pembiayaan semasa Bank kepada sektor-</p> |

|  |   |
|--|---|
|  | <p>sektor ini? Bilakah Bank menjangkakan kehadiran sifar dalam sektor-sektor ini?</p> <p>d) Sektor manakah yang tertakluk kepada RAC khusus industri Alliance Bank? Apakah saiz pembiayaan yang diperoleh daripada sektor sensitif ESG ini?</p> <p>Apakah tindakan yang diambil ke atas pelanggan sedia ada yang tidak dapat mematuhi RAC Bank berkaitan ESG? Bagaimanakah Bank membantu pelanggan-pelanggan ini membuat peralihan yang diperlukan untuk menerima pakai amalan kelestarian dalam operasi perniagaan mereka?</p>   |
| Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (EGM) | <p>Dalam Lampiran I surat nasihat bebas (halaman 103 dan 104 dalam pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 14 Julai 2022), pihak pengurusan mengunjurkan pertumbuhan pendapatan LITRAK sebanyak 18.7% bagi tahun kewangan 2023 (berakhir 31 Mac 2023). Berdasarkan keputusan tahun kewangan 2022 yang telah diaudit, LITRAK mencatatkan pendapatan setahun penuh berjumlah RM400.932 juta bagi tahun kewangan 2022. Ini diterjemahkan kepada unjuran pendapatan setahun penuh kira-kira RM475.906 juta bagi tahun kewangan 2023.</p> <p>a) Adakah unjuran pendapatan setahun penuh iaitu kira-kira RM475.906 juta bagi tahun kewangan 2023 terlalu konservatif (yang mana jauh lebih rendah berbanding pendapatan yang diperoleh pada tahun 2019) memandangkan i) Jumlah lalu lintas bagi tahun kewangan 2023 dijangka pulih ke tahap seperti yang diperhatikan pada tahun 2019 (halaman 104 daripada pekeliling kepada pemegang saham) yang mana LITRAK melaporkan pendapatan berjumlah RM516.034 juta (bagi tahun kewangan 2019); dan ii) Jumlah lalu lintas harian sebanyak 444,000 yang menggunakan Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) pada April 2022 adalah 7% lebih tinggi daripada volum lalu lintas harian pra-PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) sebanyak 416,000? (Slaid taklimat pelabur no. 14 bagi suku tahun ketiga tahun kewangan 2022 Gamuda Berhad di pautan ~ <a href="https://gamuda.listedcompany.com/misc/qr/Q322briefing.pdf">https://gamuda.listedcompany.com/misc/qr/Q322briefing.pdf</a> )</p> <p>b) Jika unjuran volum lalu lintas dan pendapatan bagi tahun kewangan 2023 di atas terkurang anggaran, adakah ini menjurus kepada penilaian rendah yang ketara terhadap nilai syarikat dan nilai ekuiti yang ditawarkan kerana unjuran volum lalu lintas dan pendapatan dari tahun kewangan 2024 dan seterusnya diperoleh daripada unjuran volum lalu lintas bagi tahun kewangan 2023 bersama-sama kadar pertumbuhan lalu lintas tahunan?</p> |

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.